

Siasah  
Sahsiah

DEWAN  
TAMADUN  
دیوان تمدن اسلام

Bil. 01/2023


islam

Pedoman  
Keluasan  
Sedekah

# Adab Cerminan Ummah

■ **Alam**  
Bukti Kewujudan Allah

■ **Raja Ali Haji**  
Pemikir bagi  
Bangsa Melayu



KC290-91911-0123  
ISSN 2388-2593



9 772289 289001

Dewan Tamadun Islam dewantamadunislam

Jilid 11 • Semenanjung Malaysia RM6.50 • Sabah/Sarawak RM7.00 • Brunei Darussalam B\$6.50 • Singapura S\$6.50

DBP



- |  |  |   |
|--|--|---|
| <p><b>2 Kalam Editor</b><br/>Sabar dan Syukur adalah Segalanya</p> <p><b>3 Pedoman</b><br/>Rasulullah SAW Contoh Akhlak Terbaik</p> <p><b>4 Tamadun</b><br/>Adab Cerminan Ummah Burhan Che Daud</p> <p><b>8 Tamadun</b><br/>Adab dan Akhlak dalam Islam Mohamad Razif Mohamad Fuad</p> <p><b>12 Sunah</b><br/>Sunah Pemakanan Rasulullah Berdasarkan Kajian Sains Wan Nudri Wan Daud</p> <p><b>16 Tasawur</b><br/>Pengurusan Konflik Politik Berteraskan Islam Mohd Shukri Hanapi</p> <p><b>20 Puisi Jawi</b><br/>Meniti Jalur Pelangi Siti Nur Hidayah Abdullah</p> | <p><b>21 Istilah Semasa</b></p> <p><b>22 Muamalat</b><br/>Transformasi Agihan Zakat Faizul Zubairi</p> <p><b>26 Tarbiah</b><br/>Alam Bukti Kewujudan Allah Wan Ali Akbar Wan Abdullah Nusafra Mohd Zhaffar</p> <p><b>30 Doa</b><br/>Doa Mohon Dijauhkan daripada Kemudarat</p> <p><b>31 Puisi</b><br/>Catatan di Kitab Musim (Mengenang 2022)<br/>Husna Nazri<br/>Bicara Hikmah Penawar Lelah Hayati Adilin Majid</p> <p><b>32 Pedoman</b><br/>Keluasan Sedekah</p> <p><b>34 Cerpen</b><br/>Lukisan Senja Noor Iliani Julis Abdullah</p> | <p><b>38 Fikrah</b><br/>Menghayati Sifat Ikhlas terhadap Allah Zakaria Stapa</p> <p><b>42 Kembara Sunah</b><br/>Jejak Warisan Kota Bursa Hafiza Harun</p> <p><b>46 Kalam</b><br/>Merungkai Persepsi terhadap Keseniaan dalam al-Quran Mana Sikana</p> <p><b>50 Mehnah</b><br/>Dadah Pemusnah Generasi Islam Zulfiqar Mohd Yusof</p> <p><b>54 Ilmuwan Islam</b><br/>Raja Ali Haji Pemikir bagi Bangsa Melayu Noorilham Ismail</p> <p><b>58 Islam dan Sains</b><br/>Merancang Keluarga Menolak Takdir? Nik Hazlina Nik Hussain</p> <p><b>63 Teka Silang Kata Jawi</b></p> |
|--|--|---|

## • Tamadun

# Adab Cerminan Ummah

► **Burhan Che Daud**

Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Malaysia Kelantan

**P**enyair berbangsa Arab tersohor, Ahmad Syauqi pernah menegaskan bahawa, "Sesungguhnya keunggulan ummah akan teguh berdiri selagi akhlak dan adab dijulang tinggi. Sebaliknya, kehebatan ummah akan hilang ditelan zaman apabila akhlak dan adab lesu dimamah nafsu."

Akhir-akhir ini, polemik dan pertikaian yang timbul dalam masyarakat Ihsanya pasca-Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menyaksikan episod pertembungan idea dalam media sosial yang berlarutan sehingga menzahirkan tabiat sebahagian kelompok dalam masyarakat yang bertentangan dengan sistem akhlak dan etika yang dianjurkan oleh agama Islam. Setiap kelompok berusaha dengan giatnya untuk mempertahankan pandangan dan hujah masing-masing tanpa segan silu mengungkapkan naratif yang sebenarnya telah merungkai tatasusila, kesopanan dan kehalusan budi pekerti budaya masyarakat bertamadun, apakah lagi adab Islam yang tinggi. Persoalannya, mengapakah sikap dan perlakuan sedemikian masih lagi wujud dalam kalangan sesetengah kelompok masyarakat, sedangkan negara dan dunia telah berada pada abad ke-21 yang maju, moden dan sofistikated? Adakah masyarakat hanya terkehadapan dalam bidang sains dan teknologi moden, namun masih jauh

terkebelakang dalam penghayatan sistem hidup dan akhlak Islam? Di manakah adab yang selalu dikatakan sebagai cerminan bagi umat Islam?

#### Memaknai konsep adab dan peradaban

Perkataan adab berasal daripada kalmah Arab yang merujuk tingkah laku dan tutur kata yang halus serta sopan. Adab merupakan cerminan kepada penghayatan nilai akhlak dalam kehidupan individu. Dalam konteks tradisi tamadun Islam, umat Islam telah berada di kemuncak kegemilangan peradaban Islam semasa budaya ilmu yang sebenar memacu penghayatan adab dan akhlak dalam kehidupan masyarakat.

Peradaban secara tradisi merujuk sebuah masyarakat kompleks yang mempunyai ciri-ciri seperti pembangunan bandar, sistem pertanian yang tersusun, sistem bahasa dan tulisan, sistem kerajaan, masyarakat multibudaya, institusi sivil yang berkesan dan teknologi terkini. Dalam konteks dunia moden, peradaban ditakrifkan sebagai sebuah masyarakat maju yang mempunyai dua karakteristik utama, iaitu menjuarai kemajuan fizikal, intelek, moral, teknologi dan spiritual yang tinggi; di samping mempunyai budaya yang kompleks. Proses ini berlaku secara universal melalui

pengintegrasian masyarakat dunia kepada satu sistem global yang dikenali sebagai globalisasi.

Pada dasarnya, peradaban mempunyai dua sisi nilai, iaitu nilai fizikal dan nilai moral (akhlak, adab dan etika). Sejarah manusia telah membuktikan bahawa setiap tamadun yang hebat didirikan atas asas moral dan spiritual yang kukuh. Peradaban mengangkat kemuliaan manusia sebagai makhluk yang paling sempurna dan mencapai kemajuan dunia berpaksikan nilai agama dan akhlak yang mulia.

Almarhum Dr. Yusuf al-Qaradawi menggambarkan sebuah peradaban seumpama seorang manusia yang mempunyai jasad dan roh. Jasad manusia mewakili kemajuan fizikal yang dicapai oleh sebuah peradaban, manakala rohnya merupakan nilai, akhlak dan pemikiran yang diangkat oleh peradaban tersebut. Dalam konteks ini, beliau menegaskan bahawa tamadun Barat telah maju ke hadapan dalam bidang sains dan teknologi moden, namun tidak berjaya mengangkat persoalan nilai dan akhlak pada tahap yang sepatutnya.

Maka itu,  
tidak hairanlah  
jika didapati

---

**Dalam membuat pertimbangan sebelum berbicara, mengulas, menyokong atau mengkritik, setiap “khabar” yang sampai hendaklah diselidik 360 darjah sebelum menyebarkannya.**

bahawa pandangan alam Barat masih menguasai minda dan cara berfikir masyarakat, khususnya apabila nilai Barat didatangkan secara pakej melalui teknologi yang dibangunkan. Di sinilah kebijaksanaan pengguna teknologi memanfaatkan faedah teknologi tersebut tanpa berkompromi dalam persoalan nilai dan akhlak yang seharusnya diulang tanpa syarat.

**Mengurus perbezaan pandangan dengan berhikmah**  
Perpaduan antara kelompok masyarakat yang berbeza latar belakang memang suatu impian yang sukar. Secara realiti, hal tersebut sukar kerana secara fizikal, spiritual, emosi dan intelek tiada seorang individu pun yang akan mempunyai persamaan total dengan orang lain. Walaupun si kembar dua seiras, mereka tetap ada perbezaan dalam beberapa sudut. Akan tetapi, kesepadan bukan ilusi. Usaha mendekatkan pelbagai kelompok dan individu yang saling berbeza boleh dicapai melalui pendekatan rasa saling bertanggungjawab dan semangat saling melengkapi antara satu sama lain. Kesepadan boleh dibentuk melalui pelbagai inisiatif berkesan dan ikhtiar secara kreatif dengan menyuburkan

kelebihan yang ada dan mengetepikan perbezaan yang ketara.

**Waspada dalam komentar dan kritikan**

Dalam muqaddimah Kitab *Hadis Sahih Muslim*, terdapat sebuah petikan hadis (hadis no. 6) yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW berpesan: “Cukuplah seseorang itu dianggap pendusta, apabila dia membicarakan semua perkara yang didengarnya.” Hadis yang hampir sama maksudnya diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud (hadis no. 4340) bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud, “Cukuplah seseorang itu berdosa apabila dia membicarakan setiap perkara yang dia dengar.”

Seseorang yang tidak berpengetahuan dengan ilmu hadis akan terbuka untuk menyebarkan riwayat yang didengar sedangkan riwayat tersebut palsu. Sebagai akibatnya, sesuatu amalan yang tidak berdasarkan sumber dianggap benar dan dianggap agama. Kesannya besar terhadap cara hidup beragama. Dalam konteks hari ini, rata-rata masyarakat berinteraksi dengan pelbagai maklumat. Apakah sikap dan pendirian yang perlu diambil berdasarkan pesanan Nabi Muhammad SAW tersebut? Adakah mahu menyebarkannya dengan satu klik pada butang perkongsian atau hanya membaca dan “mendiamkan” maklumat yang tidak diketahui status dan sumbernya?

Bukan semua buah yang jatuh gugur dalam suapan berita (*news feed*) kita boleh dikutip,

dimakan dan dikongsi dengan orang lain. Ada buah yang hanya boleh dikutip dan simpan atau sebaliknya. Maklumat yang sesuai disebarluaskan apabila ciri-cirinya baik, positif dan beraedad kepada orang lain. Dalam membuat pertimbangan sebelum berbicara, mengulas, menyokong atau mengkritik, setiap “khabar” yang sampai hendaklah diselidik 360 darjah sebelum menyebarkannya. Hal ini merupakan tanggungjawab sosial masyarakat. Tanggungjawab sosial kita semua!

Kita hendaklah berwaspada supaya tidak termasuk dalam kalangan pendusta dan pendosa seperti pesan Rasulullah SAW tersebut kerana tidak berfikir jauh dan jari-jemari terlalu pantas berlari untuk klik, komen dan kongsi. Seseorang yang “tidak mempunyai” sesuatu, maka dia tidak berkelayakan untuk “memberi”. Seseorang yang tidak mempunyai kandungan maklumat yang baik, maka sudah pasti dia tidak akan dapat menyediakan kandungan maklumat yang bermanfaat. Seseorang yang tidak bermaklumat, maka secara logiknya dia tidak akan dapat menawarkan maklumat yang benar dan tepat apatah lagi yang bermanfaat kepada masyarakat.

**Membina generasi kalis masa hadapan**

Cendekiawan Alam Melayu, Pendeta Za’ba (1973) yang kerap menelaah dan memerhatikan sikap orang Melayu, khasnya dalam persoalan ekonomi dan sosial pernah menerangkan bahawa, “Keselamatan orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai-

perangai yang kekurangan itu hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu diubati kemiskinannya yang pada pihak otak itu – yakni kemiskinan pengetahuannya – dengan jalan diberi mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka di situalah sahaja boleh didapati keselamatan ini, tiada pada lainnya.”

Za'ba menghubungkan ilmu dengan persoalan sikap atau dalam bahasa beliau disebut “perangai-perangai”. Beliau mengungkapkan dengan istilah “kemiskinan perangai” bagi menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu tidak mempunyai sikap yang tepat terhadap banyak perkara dalam kehidupan. Kemiskinan perangai menurut beliau ialah “kemiskinan pada sifat-sifat keperangaian dan kelakuan yang mulia-mulia yang bersatu menjadikan sesuatu kaum itu besar dan tinggi dalam dunia ini...” dan “kemiskinan yang telah menggalang sangat-sangat akan kemajuan kita selama ini”.

Dalam konteks ini, Pendeta Za'ba menegaskan bahawa kemiskinan perangai berfikir yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai sesuatu yang menghalang pembudayaan ilmu dan nilai yang positif. Kerangka dan kaedah berfikir yang lebih positif, terbuka dalam keadaan berhati-hati dan berwaspada harus diangkat dan dipromosikan supaya keharmonian hidup dalam masyarakat majmuk dapat dilestarikan.

**Mewujudkan ekosistem budaya ilmu baharu**  
Umat Islam sepanjang sejarah telah melalui pelbagai cabaran berbentuk fizikal dan

mental dalam meneruskan kelangsungan Islam sebagai cara hidup yang diredaya Ilahi. Takdir Allah SWT, umat Islam yang dipimpin para ilmuwan dan cendekiawan bangkit mempertahankan kesucian dan kebenaran Islam. Almarhum Profesor Dr. Hamka (1981) menyatakan hakikat ini dalam karya beliau, *Sejarah Umat Islam* yang berbunyi, “Telah banyak cubaan menimpa Islam. Kerap kali dia jatuh! Tetapi dia bangun kembali, dan tegak lagi dan berjalan lagi! Islam tidak akan mati!”

Sudah pasti ramai bertanya-tanya, apakah faktor utama yang menyebabkan Islam berdiri teguh sepanjang zaman? Apakah kekuatan hakiki umat ini? Dalam konteks ini, ilmu, keilmuan dan budaya ilmu adalah jawapannya. Ilmu yang diwarisi daripada Nabi Muhammad SAW turun-temurun melalui kapasiti intelektual para ulama rabbani menjadi benteng penyelamat ummah. Namun begitu, setelah sekian lama umat mengalami kerosakan budaya ilmu yang luhur. Hal ini menatijahkan kekeliruan

dan penyelewengan dalam memahami maksud sebenar prinsip dan kehendak agama. Dalam hubungan ini, Wan Mohd. Nor Wan Daud (2007) dalam penulisan beliau, *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan* menegaskan bahawa, “Cabaran terbesar manusia terutamanya umat Islam bukan semata-mata kerana ketidaan budaya ilmu, malah kerana kekeliruan dan penyelewengan dalam berbudaya ilmu. Tragedi ini begitu menyediakan kerana kekeliruan dan penyelewengan tentang fahaman dan tujuan ilmu itu. Hal ini bermakna masalah-masalah umat manusia khasnya umat Islam berpunca daripada mereka yang mendapat pendidikan, yang dilatih untuk berilmu dan mengamalkan ilmu masing-masing. Justeru, kerana tujuan menuntut ilmunya keliru dan menyeleweng, dan kefahaman serta kaedahnya juga tersilap, maka budaya ilmu dan tindak-tanduk serta amal perbuatan yang zahir daripadanya tidak menjadi, walaupun banyak tenaga dan harta telah dihabiskan.”

Ekosistem budaya ilmu baharu berdasarkan kerangka dan fahaman yang benar harus diperjuangkan agar para ilmuwan, pencinta ilmu dan masyarakat terbanyak memahami maksud sebenar tuntutan ilmu dalam kehidupan mereka. Hal ini merupakan tanggungjawab semua pihak dalam usaha mengembalikan kegemilangan peradaban Islam sekali gus mengangkat kondisi umat Islam sebagai umat yang menghayati nilai dan adab yang tinggi. ☩

### Mutiara Hikmah

Bukan ingin menjadi lebih baik daripada orang lain, tetapi aku hanya ingin lebih baik daripada diriku yang dahulu.

(Sayidina Ali bin Abi Talib)